

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Insurans Gen PA ZenProtect?

Gen PA ZenProtect menyediakan perlindungan 24/7 di seluruh dunia sekiranya berlaku kecederaan tubuh badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan dengan cara tidak sengaja. Produk ini menawarkan dua pilihan pelan yang berbeza.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM90**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerjaan 1 yang memilih Pelan A – RM50,000 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
1. Kematian Akibat Kemalangan – RM50,000 2. Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – RM50,000 3. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – RM2,000 4. Manfaat Pendapatan Hospital (Sehingga maksimum 180 hari) – RM50 setiap hari 5. Manfaat Kewajipan Kewangan – RM2,500 6. Elaun Pengebumian – RM1,000	• Sebarang tindakan yang menyalahi undang undang, pendedahan secara sengaja kepada bahaya, bunuh diri, mencederakan diri dengan sengaja, semasa waras atau tidak waras. • Sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada. • HIV dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutan. • Kehamilan atau kelahiran anak • Sukan berbahaya cth. meneroka gua (<i>pot-holing</i>), menyelam skuba tanpa penggunaan peralatan pernafasan (<i>skin-diving</i>), hoki polo, pemburuan persendirian, perlumbaan selain daripada larian kaki. • Penerbangan selain sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen yang membawa penumpang. • Perang, pencerobohan dan pemberontakan. • Tugas ketenteraan, polis atau perkhidmatan bomba secara tetap atau sementara bagi mana-mana negara. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.

Dengan membayar premium tambahan sebanyak **RM65**, anda boleh meluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Active Lifestyle Bundle – **Pelan A** untuk diri sendiri
- Children Bundle – **Pelan A** bagi seorang kanak-kanak

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di: [Gen PA](#)
[ZenProtect | Generali](#)
[Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.qi@generali.com.my



Imbas kod QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480
Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard: Gen PA ZenProtect – Pelan A	RM90 (tahunan)
Perlindungan Tambahan: • Active Lifestyle Bundle – Pelan A bagi diri sendiri dengan RM35 • Children Bundle – Pelan A bagi 1 kanak-kanak dengan RM30	RM65 (tahunan)
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM155	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM38.75
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM12.40

Kebolehgunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku tuntutan kematian dan kecederaan badan dalam tempoh 21 hari dari tarikh kemalangan.
- **Individu yang Layak:**
 - Warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemegang permit kerja, pemegang pas, dan mereka yang menetap secara sah di Malaysia.
 - Orang yang diinsuranskan yang berumur antara 18 tahun hingga 65 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga umur 70 tahun.
 - Kanak-kanak yang berumur sekurang-kurangnya 30 hari hingga 18 tahun, had umur maksimum dilanjutkan sehingga 23 tahun sekiranya mereka merupakan pelajar sepenuh masa.
- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan bahagian premium secara berkadar bagi tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.